



"TARBIAH UNIVERSITI RAMADHAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ
عَلَيْكُمْ الصَّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang di rahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan ke hadrat Allah SWT. dengan mentaati segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-



mudahan Ramadhan yang sedang kita tempuh dengan melaksanakan ibadah puasa ini akan menjadikan kita insan bertaqwa.

Pada hari yang mulia ini, marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "***Tarbiah Universiti Ramadhan***".

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT. yang telah memberi kesempatan untuk menemui Ramadhan yang merupakan penghulu bulan. Rasa bertuah dan syukur itu sewajarnya kita gambarkan dengan menanamkan keazaman yang tinggi untuk melaksanakan ibadah puasa ke darjat tertinggi dan menggandakan ibadah-ibadah sunat lain.

Kita perlu melakukan satu perubahan besar dalam menentukan tahap puasa kita. Tingkatan puasa kita seharusnya menjulang ke tingkatan lebih tinggi dan bukan sekadar puasa awam sahaja. Saban tahun kita berpuasa, adakah kita mahu puasa kita masih di tahap yang lama? Sudah tentu kita mahu mendapatkan puasa yang lebih baik. Puasa khusus dan puasa khususul khusus sewajarnya menjadi sasaran dan keazaman kita pada tahun ini sebagaimana yang pernah digariskan oleh Imam al-Ghazali RH.

Dalam merasai nikmat dan hikmah puasa itu, marilah kita merungkai rahsia yang tersembunyi di sebalik ibadah puasa dan bulan Ramadhan yang akan kita raikan ini.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

"Wahai manusia!; telah datang kepada kamu bulan Ramadhan, bulan yang diberkati, Allah telah memfardhukan kepada kamu berpuasa di



dalamnya, pintu-pintu neraka ditutupkan, pintu-pintu syurga dibukakan, para syaitan dibelenggu, terdapat padanya satu malam yang terlebih baik daripada seribu bulan. Barangsiapa yang diharamkan daripada mendapat kebaikannya, maka ia benar-benar tidak mendapat kebaikan keseluruhannya".

(Riwayat an-Nasa'i).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Ramadhan yang kita akan tempuh ini bakal mengajar beberapa perkara penting dalam kehidupan. Satu hikmah yang hebat ialah bahawa Ramadhan mengajar kita mengurus masa dengan baik. Bermula daripada amalan bersahur kita telah diajar untuk menepati waktu. Hukum telah menetapkan tempoh dan masa berjaga-jaga untuk berhenti bersahur. Kita disunatkan melewati bersahur tetapi bersegera pula untuk berbuka. Ini bertepatan dengan amalan Rasulullah SAW. sepertimana yang telah diceritakan oleh Saidatina Aisyah dalam beberapa hadis.

Walau bagaimanapun, apabila telah selesai berbuka puasa dengan sempurna maka jangan pula melambat-lambatkan dan melengah-lengahkan solat fardhu Maghrib sehingga keluar waktu.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Selain daripada itu, tarbiah yang kita nikmati sepanjang Ramadhan yang bakal tiba ini adalah kita berjaya melakukan muhasabah diri. Berjaya menjadikan akhlak kita cemerlang. Menginsafi kehidupan yang dialami oleh golongan fakir dan miskin.

Sehubungan itu, Allah perintahkan ibadah puasa tanpa mengira pangkat dan keturunan, tua atau muda, miskin atau kaya. Kekayaan,



kemewahan dan kesenangan yang ada pula tidak boleh menggantikan perintah wajib puasa. Lebih hebat lagi pahala puasa ini tidak ditetapkan dan menjadi hak eksklusif Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

كُلُّ حَسَنَةٍ يَعْمَلُهَا ابْنُ آدَمَ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا
إِلَّا الصِّيَامَ لِي وَأَنَا أُجْزِي بِهِ .

" Setiap kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam maka baginya sepuluh kebaikan. Kecuali puasa, ia untukku dan akulah yang akan memberi ganjaran "

(Riwayat an- Nasai).

Maka sepanjang Ramadhan, Allah menyediakan pakej pahala yang berlipat kali ganda. Amalan wajib kita mendapat 70 kali ganda pahala. Manakala ibadah sunat kita mendapat pahala wajib. Umat Islam juga digalakkan menyantuni golongan yang lemah dan daif, menghulurkan zakat kepada golongan asnaf, memberi makan kepada anak-anak yatim, berlumba-lumba bersedekah dan menginfaqqan harta ke jalan Allah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pengajaran berikutnya adalah bahawa Ramadhan itu memupuk sifat amanah. Kita bersifat amanah dalam bentuk zahir dan batin. Amanah dengan tidak melakukan dan melanggar perintah-perintah Allah dalam keadaan kita berpuasa dan diluar Ramadhan kita berpuasa dengan membuang sifat-sifat mazmumah dan menambah sifat-sifat mahmudah dalam diri.



Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ،
وَالْجَهْلَ، فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ
وَشَرَابَهُ

"Barangsiapa tidak meninggalkan ucapan dusta dan perbuatan dusta dan kejahatan, nescaya Allah tidak memerlukan usaha dirinya dalam meninggalkan makanan dan minumannya (puasa)".

(Riwayat al-Bukhari)

Ramadhan juga membentuk umat Islam bersifat prihatin dan giat memperkukuh ukhuwah Islamiah. Amalan menjamu golongan fakir, miskin dan anak yatim, budaya menyediakan juadah kepada orang yang berpuasa merupakan langkah-langkah mengeratkan silaturrahim.

Hadis daripada Zaid Bin Khalid Al-Juhani RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ فَطَرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا
يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا.

"Sesiapa yang memberi makanan berbuka bagi orang yang berpuasa, maka baginya pahala yang seperti orang yang berpuasa tersebut tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa tersebut sedikit pun."



(Riwayat at-Tirmidzi)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita merebut hamparan pahala yang dijanjikan Allah sepanjang Ramadhan ini. Kita laksanakan ibadah puasa dengan bersungguh-sungguh agar kita memperoleh hikmah yang tersembunyi di sebaliknya.

Oleh itu, umat Islam hendaklah ;

1. Menjadikan puasa sebagai pemangkin kepada rohani dan jasmani.
2. Hendaklah meyakini bahawa puasa dapat menyihatkan jasmani dan rohani.
3. Hendaklah menjadikan puasa sebagai pendorong kearah melakukan kebaikan.
4. Menjadikan puasa untuk menginsafi penderitaan hidup golongan fakir dan miskin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى
لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ
الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ



الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَيْنَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran, dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur".

(al-Baqarah : 185)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.